




# SOALAN LAZIM (FAQ)

## PRODUK: MINUMAN BLOOM COLLAGEN

1. Apakah perbezaan antara kolagen dengan peptida kolagen?



2. Apakah perbezaan antara peptida kolagen dengan kolagen terhidrolisis?

- Kolagen terhidrolisis ialah nama lain bagi peptida kolagen.
- Dua nama pada satu produk yang sama.
- Rantainya penuh kolagen diuraikan menjadi peptida kolagen melalui hidrolisis, menjadikannya peptida terhidrolisis atau kolagen terhidrolisis

3. Bagaimana Peptida Terhidrolisis Peptan memberikan kesan kepada kecantikan kulit?

Kekurangan hidrasi mengakibatkan kehilangan keanjalan dan pembentukan kedut pada kulit. Kami telah menunjukkan bahawa peptan memperbaiki tahap kelembapan pada kulit. Peptan menyokong jaringan kolagen intrinsik pada lapisan kulit yang lebih dalam dengan meningkatkan ketumpatan serta memperbaiki struktur fiber.

4. Adakah produk ini sesuai untuk vegetarian/vegan?

Produk ini diperbuat daripada sumber hasil laut seperti ikan, yang bukan merupakan ramuan sumber sayur-sayuran. Selain daripada kolagen terhidrolisis, ramuan lain didapati dan dihasilkan daripada sumber tumbuh-tumbuhan.

5. Berapakah jumlah kolagen yang diperlukan dalam sehari?

Jumlah pengambilan peptida kolagen yang berkesan seperti yang dicadangkan dalam kepustakaan ialah dalam julat 2500mg hingga 15,000mg sehari.

6. Berapakah jumlah kolagen dalam BLOOM Collagen? Kenapa?

BLOOM Collagen mengandungi 10,000mg Kolagen Terhidrolisis Peptan. Adalah penting untuk memberikan jumlah pembentukan asas yang mencukupi sebagai sokongan kolagen pada kulit. 10,000mg memberikan jumlah kolagen yang mencukupi dalam tubuh kita, bukan sahaja untuk kulit, malah untuk tulang, tendon dan rawan sendi.

7. Bagaimana boleh kita pastikan bahawa pengambilan kolagen itu terserap sebaiknya ke dalam tubuh kita?

Kolagen Terhidrolisis Peptan mempunyai saiz molekul yang kecil, iaitu 2000da, yang membenarkan penyerapan dan asimilasi yang baik untuk tubuh. Kami telah memilih peptida kolagen terhidrolisis untuk BLOOM Collagen, di mana kolagen tersebut telah diuraikan kepada saiz yang lebih kecil berbanding dengan minuman kolagen yang lain. Nota tambahan: Saiz molekul Kolagen Terhidrolisis Peptan ialah lebih besar daripada tri-peptida. Ia akan diuraikan kepada molekul lebih kecil (tri-peptida, dwi-peptida) dalam sistem pencernaan kita untuk penyerapan.

8. Apakah itu peptan? Kenapa Young Living memilih Peptan?

- Peptan ialah jenama peptida kolagen dari Perancis yang terkemuka di dunia.
- Peptan ialah peptida kolagen bioaktif yang dicipta secara khusus untuk memberikan pelbagai faedah kesihatan dan unsur menakjubkan.
- Faedah kesihatan yang disokong oleh ketepatan sains.
- Membekalkan ketulinan tinggi, produk semula jadi, mengandungi lebih daripada 97% protein (berdasarkan pada berat kering).
- Membekalkan peptida kolagen Jenis 1 yang terdapat dalam tulang dan kulit, serta menyokong pergerakan dan kecantikan kulit secara menyeluruh.



9. Adakah produk ini diperakui halal?

BLOOM Collagen dihasilkan dalam fasiliti yang halal, menggunakan ramuan yang diperakui halal sahaja. Kami kini dalam proses mendapatkan perakuan halal dan kami akan meletakkan logo perakuan halal pada pengeluaran BLOOM Collagen yang akan datang. Jangan risau, produk ini telah dihasilkan sepenuhnya dengan ramuan yang diperakui halal. Ini untuk memastikan ahli-ahli di Malaysia juga dapat menikmati kebaikan BLOOM Collagen.

10. Bagaimana rasa BLOOM Collagen? Adakah ia hanyir?

BLOOM Collagen ialah minuman berperisa manis dengan sentuhan rasa sitrus. Disebabkan oleh jumlah kolagen marin yang tinggi sebanyak 10,000mg, anda akan dapat rasa ikan selepas minum. Kekonsistenan BLOOM Collagen adalah agak likat, namun mudah untuk diminum.

Kami telah melakukan ujian rasa ke atas 20 individu bagi mengetahui pendapat mereka tentang rasa 5 jenis minuman kolagen 10,000mg yang berbeza. BLOOM Collagen mendapat kedudukan ke-2 Paling Tinggi dari segi rasa dan tekstur dalam perbandingan antara perisa sitrus (BLOOM Collagen) dan perisa buah pic (Jenama M).

11. Kenapa kolagen marin (ikan) dipilih berbanding dengan bovin atau porsin?

Kolagen marin mempunyai kolagen Jenis 1 yang lebih khusus untuk struktur kulit dan mengandungi ketersediaanbio yang tinggi; berbanding dengan kolagen porsin atau bovin yang merupakan gabungan kolagen Jenis 1 dan 2.

Adalah peri penting untuk mendapatkan jenis kolagen yang sesuai bagi memperoleh keberkesanan pada kecantikan kulit. Sebab itulah kolagen marin pilihan kami dan ini juga dapat memastikan kolagen kami bebas Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE) (juga dikenali sebagai "Penyakit Lembu Gila"), penyakit Kuku-dan-Mulut dan/atau Selesema Burung.

12. Apakah spesis ikan yang digunakan dalam BLOOM Collagen?

BLOOM Collagen menggunakan kulit ikan tilapia, patin, kod dan tuna.

13. Adakah kolagen marin mengandungi logam berat?

Kolagen marin yang digunakan dalam BLOOM Collagen dihasilkan daripada kulit ikan tilapia dan patin yang telah ditenak sendiri, lalu kandungannya tidak terdapat apa-apa pencemaran logam berat dari laut. Dengan menggunakan hasil ternakan ikan sendiri, jumlah kolagen yang didapati juga adalah stabil. Keberkesanan kolagen juga telah dibuktikan melalui pebagai kajian klinikal.

14. Bolehkah saya mengamalkan BLOOM Collagen jika saya alergik pada krustasia atau moluska?

Alergi terhadap kerang-kerangan mungkin tidak sama dengan alergi terhadap makanan laut. Makanan laut ialah termasuk ikan (seperti tuna atau kod) dan kerang-kerangan (seperti udang galah atau kima). Walaupun kedua-duanya terletak di bawah kategori makanan laut, ikan dan kerang-kerangan adalah berbeza dari segi biologi. Oleh itu, ikan tidak akan mengakibatkan tindakan alergi terhadap seseorang individu sepertimana alergi terhadap kerang-kerangan, melainkan individu tersebut juga mempunyai sejarah alergi terhadap ikan. Sesetengah individu yang mempunyai alergi terhadap kerang-kerangan juga mempunyai reaksi terhadap kedua-dua kumpulan dan sesetengah pula hanya mempunyai reaksi terhadap satu kumpulan sahaja.

Nota tambahan: Krustasia (udang, ketam atau udang galah), moluska (kima, kupang, tiram, kekapis, sotong kurita atau sotong).

15. Apakah ciri-ciri utama BLOOM Collagen?

- 10,000mg Kolagen Terhidrolisis Peptan dari Perancis
- Saiz molekul kecil (2,000da) membenarkan penyerapan dan asimilasi yang baik
- Diperbuat daripada sumber hasil laut (ikan) terpelihara
- Dihasilkan dengan pelbagai bahan antioksidan (ekstrak wolfberi, unit bit merah, ekstrak teh hijau bunga melur, vitamin E, serta minyak pati Grapefruit, Lime dan Lemon)
- Dihasilkan dengan mineral yang baik untuk kulit (zink dan kuprum)
- Dirumuskan tanpa pewarna, pemanis, perisa atau bahan pengawet tiruan
- Perisa sitrus semula jadi dengan sedikit rasa ikan selepas minum
- Mengandungi fiber diet



16. Apakah faedah BLOOM Collagen?

- membantu memperbaiki kelembutan kulit
- membantu meremajakan semula permukaan kulit
- membantu mengembalikan kilauan semula jadi pada kulit
- membantu memperbaiki tekstur, tona dan kehalusan pada kulit
- Membantu menguatkan lagi keanjalan dan ketegangan kulit
- Membantu mengurangkan kecacatan, garis halus dan pora pada permukaan kulit
- Membantu menjadikan rambut, kuku dan tisu penghubung lebih sihat

Nota tambahan: Produk ini tidak bertujuan untuk digunakan sebagai diagnosis atau rawatan, penyembuhan, serta penghalang bagi apa-apa jenis penyakit. Sentiasa dapatkan nasihat doktor anda atau mana-mana penasihat kesihatan yang diiktiraf terhadap apa-apa persoalan yang anda ada tentang hal perubatan.

17. Berapa jumlah botol yang perlu saya amalkan dalam sehari?

Untuk Pembaikan:

- Minum 1 botol sehari untuk sekurang-kurangnya 90 hari bagi mendapatkan hasil yang optimum
- Minum dengan perut kosong sebelum waktu tidur atau 2 jam selepas makan

Sesuai untuk:

- Mereka yang memerlukan pembaikan pada permukaan kulit
- Mereka yang berumur 30 tahun ke atas
- Mereka yang mengamalkan BLOOM Collagen buat pertama kali

Untuk Penyenggaraan:

- Minum 1 botol pada selang sehari atau 3-4 botol dalam seminggu

Sesuai untuk:

- Mereka yang telah mencapai hasil yang diperlukan
- Mereka yang berumur 30 tahun ke bawah
- Mereka yang ingin mengekalkan kulit yang sihat

18. Berapa lama masa yang diperlukan untuk memperlihatkan hasil?

Mengikut ujian klinikal, pengambilan 5,000mg hingga 10,000mg peptida kolagen sehari untuk setiap hari boleh membantu mengekalkan hidrasi, ketegangan dan keanjalan, serta sudah pasti keremajaan dan kecantikan pada kulit. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa hidrasi pada kulit dapat diatasi selepas pengambilan kolagen selama dua atau tiga bulan. Beberapa komuniti telah menunjukkan kebaikan peptida kolagen juga dalam memelihara kesihatan sendi. Kebanyakan kajian menunjukkan hasil dalam tempoh 3 bulan.

19. Bolehkah saya gabungkan BLOOM Collagen dengan NingXia Red dan Sul4zyme?

Ya, menggabungkan BLOOM Collagen dengan NingXia Red dan Sul4zyme akan memberikan hasil yang lebih menakjubkan dari segi pembaikan kulit.

Mulakan hari anda dengan Beauty Red Shot: 2 auns NingXia Red

Akhiri hari anda dengan Beauty Trio: 2 auns NingXia Red + 2 kapsul Sul4zyme + 1 botol BLOOM Collagen

20. Bolehkah saya mengamalkan lebih daripada sebotol BLOOM Collagen sehari?

Ya, namun ia tidak digalakkan kerana pengambilan 10,000mg sehari sudah cukup untuk mencergaskan tubuh, meremajakan diri dan mengembalikan kilauan semula jadi.

21. Jika saya mengamalkan 2 botol BLOOM Collagen sehari, adalah lebih banyak kolagen akan diserap dalam tubuh? Yang mana lebih berkesan?

Ya, namun ia tidak digalakkan kerana pengambilan 10,000mg sehari sudah cukup untuk mencergaskan tubuh, meremajakan diri dan mengembalikan kilauan semula jadi. BLOOM Collagen merupakan sumber protein dan mengandungi 10g protein dalam setiap botol. Lagipun, terdapat had pada pengambilan harian bagi protein diet dalam makanan. Dengan 2 hidangan biasa yang mengandungi ayam/ikan/atau mana-mana protein haiwan dan tumbuh-tumbuhan (biasanya dalam jumlah sebanyak 20-30g protein setiap hidangan) dan anda boleh mencapai pengambilan Harian Yang Disyorkan bagi individu dewasa dengan hanya 1 botol BLOOM Collagen.



22. Dari manakah sumber ekstrak wolfberi didapati? Ningxia?  
Ekstrak wolfberi yang digunakan dalam BLOOM Collagen dihasilkan dari ladang kongsi Seed to Seal Young Living. Kami tidak dapat menghebahkan maklumat ini bagi melindungi rahsia perdagangan kami, namun begitu, kami jami kualiti produk ini tidak akan dikompromi.
23. Bagaimana cara untuk saya simpan produk ini? Adakah terdapat apa-apa arahan penggunaan?  
  - Simpan dalam ruang bersuhu bilik atau dalam peti sejuk
  - Minum sebaik sahaja dibuka
  - Hidangkan sejuk
24. Siapa yang patut mengamalkan BLOOM Collagen?  
  - Mana-mana individu berumur 30 tahun ke atas
  - Mana-mana individu yang sentiasa terdedah kepada sinaran UV
  - Mereka yang mungkin memerlukan sokongan disebabkan amalan gaya hidup seperti tifur lewat, penghisap rokok atau pengguna vape, atau mereka yang menjalani kehidupan kerja yang stres
  - Mereka yang mungkin mempunyai amalan diet yang tidak sihat, seperti kecenderungan terhadap makanan bergula, kopi atau minuman beralkohol
  - Para atlet atau mereka yang berminat dengan kehidupan yang cergas
25. Siapa yang perlu hindari pengambilan BLOOM Collagen?  
Jika anda tidak pasti atau anda tergolong dalam golongan berikut, kami menyarankan anda merujuk pengamal perubatan atau pakar kesihatan terlebih dahulu sebelum mengamalkannya.  
  - Wanita mengandung
  - Mereka yang mengalami masalah kesihatan atau mengambil ubat-ubatan
26. Terdapat zink dalam BLOOM Collagen dan ini mungkin tidak sesuai untuk wanita mengandung. Bolehkah anda semak sama ada peratus zink yang digunakan dalam ramuan tersebut akan memberikan kesan terhadap wanita mengandung? Sila rujuk pakar kesihatan atau pakar sakit puan sebelum mengamalkannya.
27. Adakah ia mengandungi pemanis?  
BLOOM Collagen mempunyai rasa manis semula jadi dari stevia dan erythritol yang menyumbangkan sifar kalori.
28. Adakah ia mengandungi bahan kimia atau tiruan?  
Tidak. BLOOM Collagen tidak mengandungi bahan pewarna, pemanis, perisa atau pengawet tiruan. Pernyataan pada label produk BLOOM Collagen (perisa yang dibenarkan) ialah pernyataan standard yang diperlukan oleh badan penguasa, walaupun perisa pada produk tersebut ialah dari minyak pati.
29. Kenapa BLOOM Collagen dihasilkan dengan campuran minyak pati?  
Minyak pati bertindak sebagai perisa citrus semula kadi dan memberikan sokongan berkesan kepada kolagen. Minyak pati citrus seperti Grapefruit, Lemon dan Lime mengandungi campuran aktif menakjubkan yang dikenali sebagai D-limonene, iaitu bahan anti oksida bioaktif can penting dalam melindungi kolagen kulit.
30. Di manakah produk ini dihasilkan?  
BLOOM Collagen dihasilkan di Taiwan, satu daripada pengilang Seed to Seal kami. Ramuan kolagen didapati dari tempat dan negara berbeza yang menyokong ramuan berkualiti berdasarkan piawaian Seed to Seal kami.
31. Berapa ml dalam satu botol dan berapa botol yang terdapat dalam sekotak BLOOM Collagen?  
Setiap botol BLOOM Collagen mengandungi 50ml minuman kolagen. Setiap kotak mengandungi 10 botol BLOOM Collagen.
32. Kenapa terdapat perbezaan antara kotak sebelum dan selepas pelancaran?  
Perbezaan yang terdapat ini adalah untuk memastikan bahawa semua maklumat penting yang diperlukan dan sesuai untuk pasaran di Malaysia ditampilkan mengikut peraturan dan undang-undang tempatan.